



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	5/10/2019	MUKA SURAT	: 30
JABATAN	:	SPAN		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

### **Air Selangor terima 1,143 aduan air berbau**

**SHAH ALAM** - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) menerima sebanyak 1,143 aduan air berbau sejak 28 September lalu.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Air Selangor, Abdul Raof Ahmad berkata, sebanyak 1,129 kes aduan yang diterima telah diambil tindakan dan menjalani ujian pensampelan kualiti air.

Menurutnya, baki 14 kes lagi masih dalam proses siasatan.

"Berdasarkan ujian dijalankan mendapati bekalan air yang dibekalkan adalah selamat digunakan dan memenuhi piawaian air minum kebangsaan bagi parameter fizikal yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Abdul Raof berkata, selain melaksanakan ujian



**ABDUL RAOF**

pensampelan, Air Selangor juga menjalankan aktiviti pemeriksaan dan pencucian ke atas 36 kolam perkhidmatan yang membekalkan air di kawasan yang menerima aduan.

"Pelanggan diminta menghubungi talian 15300 atau WhatsApp ke nombor 0192800919 / 0192816793 untuk sebarang bantuan.

"Kami memohon maaf dan mengambil segala tindakan perlu bagi mengatasi masalah ini," katanya.